

Headline	Tujuh penderma bebas HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	17 Oct 2011	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p21	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 376
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,128



Tujuh penderma bebas HIV

IPOH, Perak - Jabatan Kesihatan Negeri berjaya mengesan seorang lagi penderma yang terbabit dalam kes pemindahan darah seorang pesakit wanita warga emas berusia 56 tahun yang mendakwa dijangkiti HIV selepas menjalani pemindahan darah sejak 2009.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata setakat ini kesemua tujuh daripada lapan penderma darah disahkan negatif HIV.

"Semalam (kelmarin), pihak kami mendapat keputusan ujian darah seorang lagi penderma dan ia disahkan negatif. Jumlah ini menjadikan kesemua tujuh penderma bebas daripada HIV.

"Bagaimanapun, kami masih menunggu seorang lagi penderma yang sudah berhubung dengan pihak hospital dan dijangka akan tiba hari ini (semalam)," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Dalam perkembangan sama, beliau difahamkan penderma terbabit adalah seorang pelajar dan menetap di Shah Alam.

"Jika semuanya berjalan lancar, ujian darah ke atas penderma terbabit akan dijalankan dengan segera," katanya.

Kelmarin, *Sinar Harian* melaporkan seorang pesakit wanita warga emas mendakwa dijangkiti HIV sewaktu menjalankan pemindahan darah akibat penyakit kencing manis sejak 2009.

Justeru, Jabatan Kesihatan Negeri telah diarah menjalankan siasatan terperinci berhubung perkara itu dan wanita terbabit kini dilaporkan stabil.